

**Pakatan Rakyat Sukar Perintah Negara – Tunku Aziz
Bernama
Mei 29, 2012
Oleh IWAN SHU-ASWAD SHUAIB**

KUALA LUMPUR: Bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim berpendapat bahawa adalah sesuatu yang sukar bagi Pakatan Rakyat (PR) untuk memerintah negara ini sekiranya mereka berjaya menawan Putrajaya sekalipun.

Ini kerana, katanya, parti-parti pembangkang masing-masing masih belum mendapat kata sepakat mengenai 'kabinet bayangan' mereka nanti.

"Apakah jawatan yang ingin diberikan kepada parti-parti pembangkang seperti PAS, PKR dan DAP. Dan apa yang akan jadi kepada negara ini?"

"Dan kemudiannya masing-masing akan berkelahi sesama sendiri. Berapa jawatan dalam kabinet akan diberikan kepada parti ini dan berapa untuk parti itu," katanya kepada pemberita di kediamannya di sini, Isnin.

Ketika ditanya adakah PR tidak sesuai untuk memerintah negara ini, Tunku Abdul Aziz menjawab: "Saya tidak berkata begitu. Apa yang saya kata, ia adalah sukar."

Beliau berkata, pentadbiran itu bukan sesuatu yang mudah kerana memerintah Malaysia merupakan satu perniagaan yang kompleks.

"Pakatan Rakyat perlu menyelesaikan perkara-perkara dari kalangan mereka terlebih dahulu sebelum menghadapi pilihan raya akan datang.

"Kabinet bayangan akan dipersoalkan. Anda (Pakatan Rakyat) tidak boleh terus pergi ke Putrajaya tetapi anda tidak tahu siapa dan apa yang akan dilakukan," katanya.

Mengenai kontroversi jawatan perdana menteri, Tunku Abdul Aziz berkata, pelantikan perdana menteri di kalangan bukan Islam tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Bagaimanapun beliau menjelaskan bahawa negara perlu melihat realiti politik di negara ini berdasarkan kelaziman dan amalan tradisi.

"Yang di-Pertuan Agong merupakan seorang yang beragama Islam dan menteri yang pertama yang diberikan tugas dan fungsi perlu selaras dengan agama (Baginda).

"Pelantikan (Perdana Menteri) boleh di kalangan mereka yang berbangsa Cina atau India tetapi yang beragama Islam," katanya lagi.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/5/29/mstar_berita/20120528171535&sec=mstar_berita